

Perkasa enggan campur tangan PRK Kajang

Malaysian Insider

Feb 14, 2014

OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan (Perkasa) enggan mencampuri urusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang kerana pilihan raya berkenaan tidak memberikan sebarang perbezaan di Selangor.

Setiausaha Agung Perkasa, Syed Hasan Syed Ali (gambar), berkata badan bukan kerajaan itu melihat PRK DUN Kajang tidak lebih daripada tujuan peribadi individu dan bukan pilihan raya yang begitu penting kepada mereka.

"Perkasa tidak mahu sentuh berkenaan pilihan raya kecil Kajang.

"Kalah menang tiada perbezannya di Selangor," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider.

Beliau melihat PRK DUN Kajang yang melihatkan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi calon PKR dari Pakatan Rakyat (PR) itu hanyalah menyusahkan pengundi di kawasan berkenaan.

"Kita lebih utamakan pilihan raya umum untuk memastikan Melayu akan kekal memerintah," katanya.

Ketika diminta untuk mengulas lanjut berkenaan Jelajah Presiden Perkasa ke seluruh negara yang bermula esok, Syed Hasan berkata, ia adalah acara tahunan kumpulan NGO tersebut bagi merapatkan hubungan pimpinan pusat dan negeri.

Program presiden Perkasa jelajah negara bertemu tiap pengurus kawasan Parlimen dan negeri akan bermula di Kedah, dan disambung ke seluruh negara sehingga Mac bagi sesi pertama.

Syed Hasan berkata, bagi sesi kedua, jelajah sama akan bermula sekitar Jun.

"Agenda kita merapatkan hubungan antara pimpinan, tiada objektif lain.

"Perjumpaan akan diadakan secara tertutup," katanya.

Beliau berkata, Perkasa setakat ini juga enggan mencampuri urusan politik, sebaliknya hanya fokus kepada pengukuhan pertubuhan tersebut.

"Bila presiden sendiri turun ke semua negeri ia akan menghidupkan pertubuhan," katanya merujuk kepada Datuk Ibrahim Ali.

"Kita tidak mahu jadi pertubuhan lesu yang syok sendiri di peringkat pusat," katanya.

Antara isu yang akan disentuh sepanjang jelajah berkenaan jelasnya adalah penekanan hala tuju Perkasa dan juga fokus kepada isu Melayu dan Islam.

"Mereka (ahli) seronok kalau kadang kala presiden sendiri turun padang," katanya.

Kerusi DUN Kajang kosong selepas Lee chin Cheh dari PKR meletakkan jawatan secara mengejut.

Lee, 42, merupakan seorang peguam dan bekas ahli parti Gerakan selama 10 tahun.

Dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), Lee mendapat 19,571 undi, berbanding calon BN, Lee Ban Seng yang mendapat 12,747 undi.

Komposisi pengundi di Kajang membentuk 49% Melayu, 40% Cina, 10% India dan 0.91% lain-lain.
- 14 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perkasa-enggan-campur-tangan-prk-kajang>